

17 MAY 2000

Mahathir-Wesak

HARI WESAK MENIFESTASI KEBEBASAN BERAGAMA DI MALAYSIA -- MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perayaan Hari Wesak merupakan manifestasi kebebasan beragama di Malaysia, yang mempunyai rakyat berbilang kaum, agama dan tradisi.

Katanya, walaupun Islam adalah agama rasmi negara ini, rakyat masih mempunyai kebebasan menganuti agama lain.

"Penganut Buddha di negara ini telah berjaya membuktikan bahawa mereka komited terhadap membina persekitaran kehidupan bermasyarakat yang aman dan harmoni bersama rakyat Malaysia yang beragama lain," katanya dalam perutusan Hari Wesak, yang disambut esok.

Perdana Menteri berkata, penganut agama itu tidak memilih jalan ekstrim tetapi sanggup berkorban untuk kebaikan masyarakat majmuk dalam jangka panjang.

"Sempena Hari Wesak ini, saya berharap semua penganut agama Buddha akan memperbaharui komitmen mereka dan terus berusaha, seiring dengan rakyat Malaysia yang lain, untuk melahirkan masyarakat contoh yang sabar, toleran, saling faham-memahami dan hormat-menghormati antara satu sama lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, Buddha adalah agama yang dihormati kerana ia menganjurkan perasaan belas ihsan dan kasih sayang dalam hubungan sesama manusia.

Ini dibuktikan dengan penglibatan aktif masyarakat pengikut Buddha dalam pelbagai kegiatan kebajikan dan sosial di negara ini, katanya.

Hari Wesak adalah hari kebesaran yang amat bermakna kepada semua penganut Buddha daripada segi pentingnya dalam sejarah agama itu sendiri dan pengasasnya Gautama Buddha, katanya.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan selamat Hari Wesak kepada rakyat Malaysia yang beragama Buddha.

-- BERNAMA

AFY ES NMO